



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 71**

**20hb Disember 2018**

**No. 25**

---

---

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960  
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960  
(Act 530)

**No. 1830.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 44

DECLARATION UNDER SECTION 44

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, mengisytiharkan bahawa kawasan seluas 5,175.40 hektar bagi Felda Bukit Sagu 1, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan seperti nombor *Warta* dan tarikh dalam ruang (1) Jadual, ukuran luas dalam ruang (2) Jadual dan ditandakan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Nombor Pelan Ukur di ruang (3) Jadual, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikeluarkan dan hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Penempatan Berkelompok tersebut mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 44 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority after consultation with the Minister, declares an area measuring 5,175.40 hectares for Felda Bukit Sagu 1, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as *Gazette* number and date in column (1) of the Schedule, measurement of areas in column (2) of the Schedule and delineated by shown edges in grey upon Survey Plan Number in column (3) of the Schedule, deposited in the Office of the Director of Survey

and Mapping of Pahang which is forming parts of the Group Settlement Areas be excised and shall cease to be part of the said Group Settlement Areas with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Ruang/ <i>Column</i> (1) (No. <i>Warta</i> /Tarikh <i>Gazette No./Date</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (2) (Hektar/ <i>Hectares</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (3) (Nombor Pelan Ukur/ <i>Survey Plan Number</i> )
281/18-3-1993	2,565.00	P.W. 1379
192/14-4-2005	2,319.40	P.W. 3426
208/14-4-2005	291.00	P.W. 3427

Bertarikh 12 Oktober 2018

Dated 12 October 2018  
[PTK. 3/3/25238 MF]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1831.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 44

DECLARATION UNDER SECTION 44

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, mengisytiharkan bahawa kawasan seluas 1,689.25 hektar bagi Felda Bukit Sagu 2, Mukim Hulu Kuantan, Daerah Kuantan seperti nombor *Warta* dan tarikh dalam ruang (1) Jadual, ukuran luas dalam ruang (2) Jadual dan ditandakan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Nombor Pelan Ukur di ruang (3) Jadual, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikeluarkan dan hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Penempatan Berkelompok tersebut mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 44 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority after consultation with the Minister, declares an area measuring 1,689.25 hectares Felda Bukit Sagu 2, Mukim of Hulu Kuantan, District of Kuantan prescribed as *Gazette* number and date in column (1) of the Schedule, measurement of areas in column (2) of the Schedule and delineated by shown edges in grey upon Survey Plan Number in column (3) of the Schedule, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming parts of the Group Settlement Areas be excised and shall cease to be part of the said Group Settlement Areas with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Ruang/ <i>Column</i> (1) (No. <i>Warta</i> /Tarikh <i>Gazette No./Date</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (2) (Hektar/ <i>Hectares</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (3) (Nombor Pelan Ukur/ <i>Survey Plan Number</i> )
188/14-4-2005	817.00	P.W. 3429
96/19-1-2012	33.28	P.W. 3973
193/14-4-2005	765.30	P.W. 3430
209/14-4-2005	40.39	P.W. 3431
97/19-1-2012	33.28	P.W. 3974

Bertarikh 12 Oktober 2018

Dated 12 October 2018  
[PTK. 3/3/25238 MF]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1832.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 44

DECLARATION UNDER SECTION 44

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, mengisytiharkan bahawa kawasan seluas 2,313.30 hektar bagi Felda Bukit Sagu 3, Mukim Hulu Kuantan, Daerah Kuantan seperti nombor *Warta* dan tarikh dalam ruang (1) Jadual, ukuran luas dalam ruang (2) Jadual dan ditandakan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Nombor Pelan Ukur di ruang (3) Jadual, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok dikeluarkan dan hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Penempatan Berkelompok tersebut mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 44 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority after consultation with the Minister, declares an area measuring 2,313.30 hectares Felda Bukit Sagu 3, Mukim of Hulu Kuantan, District of Kuantan prescribed as *Gazette* number and date in column (1) of the Schedule, measurement of areas in column (2) of the Schedule and delineated by shown edges in grey upon Survey Plan Number in column (3) of the Schedule, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming parts of the Group Settlement Areas be excised and shall cease to be part of the said Group Settlement Areas with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Ruang/ <i>Column</i> (1) (No. <i>Warta</i> /Tarikh <i>Gazette No./Date</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (2) (Hektar/ <i>Hectares</i> )	Ruang/ <i>Column</i> (3) (Nombor Pelan Ukur/ <i>Survey Plan Number</i> )
189/14-4-2005	1,156.70	P.W. 3432
194/14-4-2005	1,070.40	P.W. 3433
210/14-4-2005	86.20	P.W. 3434

Bertarikh 12 Oktober 2018

Dated 12 October 2018  
[PTK. 3/3/25238 MF]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

**No. 1833.**

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAF  
RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF  
TASIK CHINI SPECIAL AREA PLAN

Menurut subseksyen 15(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah memberi persetujuan pada 29 Ogos 2018 kepada Draf Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini.

2. Draf Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini sekarang dikenali sebagai Rancangan Khas Tasik Chini dan boleh diperiksa di Majlis Daerah Pekan pada waktu pejabat.

Dibuat 26 November 2018  
[MDP10/2/0012 Jld. 1]

DATO' ROSE SHAMSUL BIN ABDUL RAZAK  
*Yang Dipertua Majlis*  
*Majlis Daerah Pekan*

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Pahang has given its assent on 29 August 2018 to the Draft of Tasik Chini Special Area Plan.

2. The Draft of Tasik Chini Special Area Plan is now identified as the Tasik Chini Special Area Plan and may be inspected at the Pekan District Council during office hours.

Made 26 November 2018  
[MDP10/2/0012 Jld. 1]

DATO' ROSE SHAMSUL BIN ABDUL RAZAK  
*President of Council*  
*Pekan District Council*

AKTA EKSAIS 1976  
(Akta 176)

**No. 1834.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BERA

Adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bera bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Bera pada 21 Disember 2018 (Jumaat) jam 3.00 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi setengah tahun pertama 2019 (Januari–Jun) hendaklah dibuat di dalam borang 'PK(LP)-01-1' yang telah ditetapkan (dalam enam salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais Bera di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Bera dan mesti sampai sebelum 3 minggu dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/ tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

Bertarikh 8 November 2018  
[PDB. 494/4 Klt. 12]

DATO' RAZIHAN BIN ADZHARUDDIN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Bera*

**No. 1835.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH RAUB

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Raub bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 26 Disember 2018 jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi Setengah Tahun Pertama 2019 hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Raub, d/a Pejabat Daerah dan Tanah Raub dan mesti sampai pada atau sebelum 30 November 2018.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/ tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

Bertarikh 15 November 2018  
[PDR.KP. 13/015/0005]

DATO' HAMDAN BIN HUSSIN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Raub*

ENAKMEN RIZAB MELAYU  
(N.M.B Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT  
(F.M.S. Cap. 142)

**No. 1836.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 22.98 hektar, di Lentang, Mukim Bentong, Daerah Bentong yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5320 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Lentang.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 22.98 hectares at Lentang, Mukim of Bentong, District of Bentong delineated upon Survey Plan No. P.W. 5320 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Lentang Malay Reservation.

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PT.Btg. 27/B/08(17)]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1837.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 45.20 hektar, Mukim Pedah, Daerah Jerantut yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5212 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Kampung Bahru (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 45.20 hectares, Mukim of Pedah, District of Jerantut as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5212 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Kampung Bahru Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PTJ. 007/28. PT1]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1838.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 0.9866 hektar, yang dikenali sebagai Lot 4523, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, yang ditandakan di atas Pelan Ukur P.A. 76545 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Cherating (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, Menteri Besar of Pahang with the approval of the Ruler in Council declares the land measuring an area of 0.9866 hectare, known as Lot 4523, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan delineated upon Survey Plan No. 76545 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Cherating (Additional) Malay Reserve.

Bertarikh 1 Disember 2018

Dated 1 December 2018  
[PTK. 3/5/106-224]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1839.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 297.6 hektar, Mukim Luit, Daerah Maran yang ditandakan di atas Pelan *Warta P.W. 5305* yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Hulu Luit (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 297.6 hectares, Mukim of Luit, District of Maran as delineated upon *Gazette Plan P.W. 5305* deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Hulu Luit Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PTM. 6/3/2586 SJ. 1]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1840.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 22.98 hektar, di Lentang, Mukim Bentong, Daerah Bentong yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5320 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Lentang.



In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 22.98 hectares at Lentang, Mukim of Bentong, District of Bentong delineated upon Survey Plan No. P.W. 5320 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Lentang Malay Reservation.

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PT.Btg. 27/B/08(17)]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1841.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah sejumlah 295.1 hektar yang dikenali sebagai Lot 98936 & Lot 98937, Mukim Chenor, Daerah Maran yang ditandakan di atas Pelan *Warta* No. P.A. 266818 & P.A. 266819 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Senyum Jempul menurut *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. G.N. 6008-25 yang disiarkan pada 18 September 1925, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring a total area of 295.1 hectares known as a Lot 98936 & Lot 98937, Mukim of Chenor, District of Maran as delineated upon *Gazette* Plan No. P.A. 266818 & P.A. 266819 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Senyum Jempul Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 6008-25 published on the 18 September 1925, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PTM. 6/3/2586 SJ. 1]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1842.**PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)  
REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 14.19 hektar, di Bukit Tinggi, Mukim Bentong, Daerah Bentong yang ditandakan di atas Pelan Ukur P.W. 5319 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Bukit Tinggi menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 407 yang disiarkan pada 19 Julai 1984, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 14.19 hectares, at Bukit Tinggi, Mukim of Bentong, District of Bentong as delineated upon Survey Plan P.W. 5319 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Bukit Tinggi Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 407 published on the 19 July 1984, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PT.Btg. 27/B/08(17)]DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang***No. 1843.**PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)  
REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 0.2130 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur P.W. 5329 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Paya Tiga menurut *Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu* No. 4944 bertarikh 24 September 1921, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 0.2130 hectare, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan P.W. 5329 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Paya Tiga Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 4944 on the dated 24 September 1921, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 21 November 2018

Dated 21 November 2018  
[PTK. 3/5/106-255]DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 1844.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)  
REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 2.369 ekar, yang dikenali sebagai Lot 1585, Mukim Sungei Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. 21787 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Cherating menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Bersekutu* No. 7099 yang disiarkan pada 9 November 1928, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 2.369 acres, known as Lot 1585, Mukim of Sungei Karang, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. 21787 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Cherating Malay Reservation *vide* the State Government *Gazette* of Pahang No. 7099 published on the 9 November 1928, to be revoked from forming part of the said Malay Reserve.

Bertarikh 1 Disember 2018

Dated 1 December 2018  
[PTK. 3/5/106-224]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

ENAKMEN MINERAL 2001  
(Enakmen No. 7 Tahun 2001)

MINERAL ENACTMENT 2001  
(Enactment No. 7 of 2001)

**No. 1845.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ENAKMEN MINERAL 2001  
NOTIFICATION UNDER MINERAL ENACTMENT 2001

PEMBETULAN  
CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1169 yang disiarkan pada 6 Julai 2017—

- (a) gantikan perkataan “Muhammad Reza Farhan bin Mohd Rozali” dengan perkataan “Muhammad Rezza Farhan bin Mohd Rozali”; dan
- (b) gantikan perkataan “21-1-2013” yang terdapat di Ruang (2) Jadual bersetentang dengan nama Sabri bin Mohd Nazri, dengan perkataan “1-3-2013”.

In *Gazette* Notification No. 1169 published on 6 July 2017—

- (a) substitute for the words “Muhammad Reza Farhan bin Mohd Rozali” the words “Muhammad Rezza Farhan bin Mohd Rozali”; and
- (b) substitute for the words “21-1-2013” which appears in Column (2) of the Schedule opposite with the name Sabri bin Mohd Nazri, the words “1-3-2013”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 02; PUN.Phg./100/027/10]

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1846.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 202 yang disiarkan pada 15 Februari 2018—

- (a) gantikan perkataan “Muhammad Rushdan Hakim bin Ramzan” dengan perkataan “Muhamad Rushdan Hakim bin Ramzan”.

In *Gazette* Notification No. 202 published on 15 February 2018—

- (a) substitute for the words “Muhammad Rushdan Hakim bin Ramzan” the words “Muhamad Rushdan Hakim bin Ramzan”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 03; PUN.Phg./100/027/10]

**No. 1847.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 249 yang disiarkan pada 26 Februari 2009—

- (a) gantikan perkataan “Mohd Faizal bin Abdul Latiff” dengan perkataan “Mohd Faizal bin Abdul Latif”.

In *Gazette* Notification No. 249 published on 26 February 2009—

- (a) substitute for the words “Mohd Faizal bin Abdul Latiff” the words “Mohd Faizal bin Abdul Latif”.

[PTG.Phg.Sulit 0803]

**No. 1848.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1174 yang disiarkan pada 6 Julai 2017—

- (a) gantikan perkataan “Mohd Azhar bin Zainal Abidin” dengan perkataan “Mohd Azahar bin Zainal Abidin”.

In *Gazette* Notification No. 1174 published on 6 July 2017—

- (a) substitute for the words “Mohd Azhar bin Zainal Abidin” the words “Mohd Azahar bin Zainal Abidin”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 02; PUN.Phg./100/027/10]

**No. 1849.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1282 yang disiarkan pada 13 September 2018—

- (a) gantikan perkataan “Rafidah binti Ramli” dengan perkataan “orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual”.

In *Gazette* Notification No. 1282 published on 13 September 2018—

- (a) substitute for the words “Rafidah binti Ramli” the words “the persons named in column (1) of the Schedule”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 02; PUN.Phg./100/027/10]

**No. 1850.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1925 yang disiarkan pada 9 November 2017—

- (a) gantikan perkataan “Wan Mohd Najid bin Wan Based” dengan perkataan “Wan Mohd Najib bin Wan Based”.

In *Gazette* Notification No. 1925 published on 9 November 2017—

- (a) substitute for the words “Wan Mohd Najid bin Wan Based” the words “Wan Mohd Najib bin Wan Based”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 02; PUN.Phg./100/027/10]

**No. 1851.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1941 yang disiarkan pada 8 Disember 2016—

- (a) gantikan perkataan “Siti Massuriani binti Mohamad Amin” dengan perkataan “Siti Massuriani binti Muhamad Amin”.

In *Gazette* Notification No. 1941 published on 8 December 2016—

- (a) substitute for the words “Siti Massuriani binti Mohamad Amin” the words “Siti Massuriani binti Muhamad Amin”.

[PTG.Phg.Sulit 0803 Jld. 02; PUN.Phg./100/027/10]

**No. 1852.**

(Seksyen 13)

PEMBATALAN PERWAKILAN KUASA OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI

(Section 13)

REVOCATION DELEGATIONS OF POWERS BY STATE AUTHORITY

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan *Warta* No. 268 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 5 Jun 1980, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Pahang antara lainnya seperti yang dinyatakan di dalam *Warta* tersebut telah mewakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang untuk menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas seperti di dalam Jadual di bawah.

JADUAL

KUASA-KUASA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

Kanun Tanah Negara

A. LESEN MENDUDUKI SEMENTARA

I. Tanah Desa

Keputusan atas permohonan-permohonan tanah Sek. 66

- (i) 10 ekar ke bawah bagi kegunaan pertanian
- (ii) Kurang daripada 1 ekar bagi kegunaan bangunan (kediaman)

II. Tanah Bandar

Keputusan atas semua permohonan-permohonan tanah 1 rood ke bawah bagi kegunaan bangunan (kediaman) yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri tetapi belum dikeluarkan surat Hakmilik Sementara.

III. Tanah-tanah Desa dan Bandar

Keputusan atas permohonan-permohonan:

- (i) LTS bercantum permit Sek. 69
- (ii) Permit bagi menggali dan mengalih bahan-bahan batu Sek. 71(a)

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Pahang bagi kelulusan Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Bercantum Permit dalam para A.III.(i) seperti dalam Jadual di atas.

Maka oleh yang demikian, *Warta Kerajaan* No. 268 bertarikh 5 Jun 1980 adalah terbatal setakat pembatalan perwakilan kuasa para A.(III)(i) tersebut di atas.

Whereas, by *Gazette Notification* No. 268 published in the State Government of Pahang *Gazette* on 5 June 1980, in exercise of the powers conferred under section 13 of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority among others as stated in that *Gazette* have delegated to the Director of Lands and Mines of Pahang all the powers and perform all duties as set out in the Schedule below.

## SCHEDULE

## POWERS OF DIRECTOR OF LANDS AND MINES

## National Land Code

## A. TEMPORARY OCCUPATION LICENCE

## I. Country Land

Approval for applications

Sec. 66

- (i) 10 acres and below for agriculture purposes
- (ii) Below 1 acre for purposes of building (residential)

## II. Town Land

Approval for all applications involving lands of 1 rood and below for purposes of building (residential) which has been approved by the State Authority but has yet to issue Qualified Title.

## III. Country and Town Lands

Approval for applications:

- (i) Combined temporary occupation licence and permit Sec. 69
- (ii) Permit to extract and remove rock materials Sec. 71(a)



And whereas, the State Authority had revoked the delegations of powers to Director of Lands and Mines for approval of Combined Temporary Occupation Licence and Permit in para A.III.(i) of the abovementioned Schedule.

Now therefore, *Gazette* Notification No. 268 published on 5 June 1980 is revoked to the extent of the powers prescribed in para A.(III)(i) of the abovementioned.

Bertarikh 31 Oktober 2018

Dated 31 October 2018  
[PTG.Phg.(PL) 01/01/8]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1853.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Bandar/Pekan/Mukim—Perak. No. Lot—239. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 10068. Luas—90.3 meter persegi.

Bertarikh 8 November 2018  
[PTT. 2/8/1140 (286L)]

*Pentadbir Tanah*  
*Temerloh*

**No. 1854.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Bentong. No. Lot—6640. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2681.  
Luas—2.0057 hektar.

Bertarikh 24 September 2018  
[PT.Btg. 23/B/1045]

*Pentadbir Tanah  
Bentong*

**No. 1855.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Pelangai. No. Lot—2755. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2945.  
Luas—2.011 hektar.

Bertarikh 3 Disember 2018  
[PT.Btg. 23/P/540]

*Pentadbir Tanah  
Bentong*

**No. 1856.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui telah hilang.  
Surat Akuan Perserahan No. 978/2018, No. Resit: 20182111DN006.

JADUAL

Mukim—Batu Yon. No. Lot—34327. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1812.  
Luas—0.6762 hektar.

Bertarikh 29 November 2018  
[PTL.Pen. 15/071/2018]

*Pengarah/Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 1857.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui telah hilang.  
Surat Akuan Perserahan No. 921/2018, No. Resit: 20180511DE010.

JADUAL

Mukim—Ulu Jelai. No. Lot—1963. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 508.  
Luas—1.687 hektar.

Bertarikh 29 November 2018  
[PTL.Pen. 15/070/2018]

*Pengarah/Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 1858.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 1817/2018 bertarikh 22-11-2018.

## JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Jenderak. No. Lot—3975. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 791. Luas—1.194 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 29 November 2018  
[PTT. 4/260/123/2018]

MARDHIAH BINTI NOR HASHIM SHAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 1859.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 1764/2018 bertarikh 15-11-2018.

## JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Semantan. No. Lot—15857. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3511. Luas—844 meter persegi. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 29 November 2018  
[PTT. 4/260/120/2018]

MARDHIAH BINTI NOR HASHIM SHAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 1860.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 1757/2018 bertarikh 15-11-2018.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Semantan. No. Lot—4232. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 959. Luas—2.555 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 29 November 2018  
[PTT. 4/260/117/2018]

MARDHIAH BINTI NOR HASHIM SHAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 1861.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

